



## SIARAN AKHBAR

### **KPDNKK DAN PNS BERI PENGHARGAAN KEPADA RAKAN STRATEGIK KR1M 2.0**

**BANGSAR SOUTH CITY, 3 April 2018** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan agensi di bawahnya, Perbadanan Nasional Berhad (PNS) yang merupakan pengendali induk KR1M 2.0 memberikan penghargaan kepada rakan-rakan strategik KR1M 2.0 yang memberikan kerjasama kepada Kerajaan dalam merealisasikan KR1M 2.0 dan membantu kelangsungan perniagaan runcit dan bekalan produk KR1M 2.0 yang konsisten.

Penghargaan tersebut diberikan di dalam sebuah majlis 'Business Luncheon' di Menara PNS hari ini, yang disampaikan oleh YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, Menteri KPDNKK. Menerusi penghargaan yang disampaikan, ia sekaligus menggalakkan lagi penyertaan syarikat-syarikat peruncitan berkaliber yang lain untuk turut bersama dalam menjayakan KR1M 2.0

Pada hari ini 15 buah syarikat peruncit dan pembekal KR1M 2.0 yang menjalinkan kerjasama strategik bersama Kerajaan dan PNS akan diberikan sijil penghargaan sebagai tanda terima kasih pihak Kerajaan kepada semua syarikat peruncit dan pembekal yang terlibat seperti berikut :

NAMA SYARIKAT	KATEGORI	PRODUK
1. Tunas Manja Group (TMG)	Syarikat Peruncit	-
2. KK Super Mart & Superstore Sdn. Bhd	Syarikat Peruncit	-
3. Central Sugar Refinery (CSR) Sdn. Bhd	Syarikat Pembekal	Gula Kasar
4. FFM Berhad	Syarikat Pembekal	Tepung Gandum
5. Juara Selera Sdn. Bhd.	Syarikat Pembekal	Beras, Bihun, Laksa
6. YHL Holding Sdn. Bhd.	Syarikat Pembekal	Beras
7. Syarikat Faiza Sdn. Bhd	Syarikat Pembekal	Beras
8. Etika Beverages Sdn. Bhd.	Syarikat Pembekal	Minuman
9. Nestle (Malaysia) Berhad	Syarikat Pembekal	Mee Segera, Serbuk Minuman, Susu Rumusan Kanak-Kanak
10. Procter & Gamble (M) Sdn. Bhd.	Syarikat Pembekal	Sabun Basuh, Syampu, Pisau Cukur, Pewangi, Berus Gigi, Pencuci Pinggan
11. Segi Value Holdings Sdn. Bhd	Syarikat Pembekal	Makanan Dalam Tin
12. RMCP Baby Products Sdn Bhd.	Syarikat Pembekal	Lampin Pakai Buang
13. Wonderland Primary Sdn. Bhd.	Syarikat Pembekal	Sabun Mandian Bayi
14. MMI Murni Manufacturing Sdn. Bhd	Syarikat Pembekal	Minuman
15. A & A Travel & Tours Sdn. Bhd.	Syarikat Pembekal	Lauk Segera

Melalui kerjasama strategik KPDNKK dan PNS bersama syarikat peruncit dan pembekal, harga barangan asas seperti beras, gula, minyak masak, tepung dan beras boleh dijual dengan harga yang rendah manakala produk harian lain yang berjenama dijual pada harga yang sangat berpatutan.

Selaras dengan pelaksanaan KR1M 2.0 yang telah pun memasuki fasa kedua, kerjasama strategik bersama syarikat peruncit dan pembekal ini melibatkan penjualan barangan tertentu yang dikategorikan sebagai produk KR1M 2.0 dengan menggunakan bungkusan asal produk, yang dikeluarkan atau dibekalkan oleh syarikat pemilik jenama tersebut pada harga yang sangat kompetitif berbanding harga pasaran. Melalui cara ini, pengguna dengan mudah membayangkan kualiti produk-produk tersebut kerana secara umumnya mereka telah mengetahui standard produk tersebut, dan ini menambahkan keyakinan rakyat terhadap produk KR1M 2.0.

Selain itu, kerjasama strategik dengan syarikat runcit yang berkaliber dan berkeupayaan seperti pasaraya Tunas Manja Group (TMG), rangkaian kedai runcit KK Super Mart dan entiti peruncitan lain yang berwibawa juga tidak akan melibatkan sebarang bantuan kewangan dari pihak Kerajaan. Selain itu, pihak-pihak tersebut juga akan berperanan sebagai *anchor* (tunjang) kepada kedai atau outlet KR1M 2.0 yang lain, yang dimiliki oleh usahawan-usahawan kedai runcit bebas pada masa hadapan. Melalui kerjasama strategik dengan dua syarikat peruncitan yang dinyatakan tadi, sebanyak 52 outlet KR1M 2.0 telah dan akan dibuka. Perluasan KR1M 2.0 akan terus dilaksanakan sehingga mencecah kepada 3,000 buah outlet dalam tempoh tiga tahun ini.

Pada fasa kedua ini, PNS telah berunding dengan beberapa syarikat pembekal baharu dan jumlah keseluruhan SKU pada masa kini adalah melebihi 150 SKU. Penambahan SKU yang merangkumi barang-barang yang berjenama dan mengekalkan bungkusan asal akan dilakukan lagi dari masa ke masa bagi memberi lebih pilihan kepada para pengguna.

Strategi perniagaan yang direncanakan oleh Kerajaan ini dilihat membolehkan harga barangan KR1M 2.0 diturunkan kepada harga yang lebih berpatutan dan harga sebegini juga boleh dilaksanakan oleh pasaraya atau pekedai yang lain jika betul strategi perniagaannya.

Dengan strategi perniagaan seperti ini, ia secara tidak langsung mewujudkan persaingan sihat dalam kalangan peniaga runcit yang lain dan akhirnya pengguna yang mendapat nikmatnya apabila banyak pasaraya dan kedai runcit menawarkan barangan keperluan asas dan harian pada harga yang kompetitif.

Turut hadir dalam majlis tersebut, YB Dato' Henry Sum Agong, Timbalan Menteri KPDNKK, YBhg Dato' Sri Jamil bin Salleh, Ketua Setiausaha KPDNKK dan Ybhg Dato' Syed Kamarulzaman Dato' Syed Khodki Shahabudin, Pengarah Urusan PNS.

Untuk urusan media, sila hubungi: Hamidah Ibrahim, Ketua Jabatan Komunikasi Korporat melalui emel, [hamidah.ibrahim@pns.com.my](mailto:hamidah.ibrahim@pns.com.my) atau hubungi talian 03-2082 7788 samb. 7941.

## **PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PNS)**

Perbadanan Nasional Berhad (PNS) adalah sebuah agensi yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) yang diberi mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia. PNS mempunyai sasaran untuk menerajui perkembangan industri francais di Malaysia dan membangunkan jumlah usahawan francais, melalui kepakaran dalam memberikan perkhidmatan serta produk-produk yang berkualiti.

PNS juga berperanan di dalam mempelopori dan menerajui pertumbuhan industri francais negara demi merealisasikan matlamat untuk melahirkan lebih ramai usahawan dalam bidang perniagaan francais. Salah satu objektif utama PNS adalah untuk membangunkan produk tempatan dan mengembangkannya ke luar negara. PNS juga menyediakan khidmat nasihat dan skim-skim khas bagi francaisor dan francaisi serta mengalu-alukan rakan francais ke Malaysia.

Berpusat di Ibu Pejabat di Bangsar South, PNS juga mempunyai lima pejabat koridor iaitu Pejabat PNS Wilayah Utara, Pejabat PNS Wilayah Timur, Pejabat PNS Wilayah Selatan, Pejabat PNS Wilayah Sabah dan Pejabat PNS Wilayah Sarawak yang bersedia menjalankan tanggungjawab bagi melahirkan lebih ramai francaisor dan francaisi bertahap antarabangsa.